

## **CABARAN DAN PERMASALAHAN MUALAF DAN PENYELESAIANNYA OLEH HIDAYAH CENTRE FOUNDATION (HCF)**

Syarul Azman Shahrudin

[syarulazman@kuis.edu.my](mailto:syarulazman@kuis.edu.my)

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

Hanis Najwa Shahrudin

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

Mustafa Kamal Amat Misra

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

Akmal Syazana Fauzan

Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

Mualaf selalu dikaitkan dengan permasalahan dan cabaran yang perlu dihadapi setelah memeluk agama Islam. Hidayah Centre Foundation (HCF) merupakan salah satu pusat sokongan yang membantu para mualaf dalam menghadapi kehidupan sebagai seorang mualaf. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan permasalahan mualaf serta cara penyelesaian yang telah dijalankan oleh HCF kepada golongan mualaf. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan dua instrumen kajian iaitu kajian analisis dokumen dan temu bual. 6 orang responden telah di temu bual daripada pegawai dan staf di HCF Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan terdapat tujuh permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh mualaf. Antara cabarannya ialah ahli keluarga yang tidak menyokong, kurangnya motivasi diri sendiri, perkahwinan, integrasi budaya Islam, murtad dan masalah pengurusan dakwah. Dengan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh golongan mualaf ini, pihak HCF telah menyalurkan bantuan dan menjadi tempat rujukan para mualaf. Namun begitu, pihak HCF memerlukan lagi masyarakat luar untuk bersama-sama membantu para mualaf supaya golongan mualaf ini kekal dalam Islam.

*Kata Kunci: Cabaran, Permasalahan, Mualaf, Hidayah Centre Foundation (HCF), Cara Penyelesaian*

## **PENGENALAN**

Mualaf merupakan satu istilah yang lumrahnya diguna pakai di Malaysia dan menjadi kebiasaan didengari oleh masyarakatnya. Mualaf merupakan sinonim dari orang yang pada awalnya bukan Islam dan kemudian memeluk Islam. Peratusan mualaf yang memeluk Islam dilihat meningkat dari tahun ke tahun. Berdasarkan statistik mualaf yang memeluk Islam di seluruh Malaysia pada tahun 1990-2004 yang dikeluarkan oleh JAKIM dianggarkan sebanyak 82,530 orang daripada pelbagai bangsa, etnik, budaya dan keturunan (Jabatan Agama Kebangsaan Islam Malaysia, 2004). Manakala, statistik mualaf yang memeluk agama Islam di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) daripada tahun 2010 hingga 2015 menunjukkan seramai 10 489 orang yang telah memeluk agama Islam. Statistik juga menunjukkan daripada tahun 1995 hingga Jun 2015 menunjukkan seramai 33 896 orang yang telah memeluk agama Islam di MAIS (Bahagian Pengurusan dan Pembangunan MAIS, 2015).

Berdasarkan statistik peningkatan golongan mualaf ini telah menimbulkan beberapa isu dan permasalahan berkaitan dengan diri mualaf setelah memeluk agama Islam. Proses penyesuaian diri mualaf kepada agama baru merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi oleh golongan mualaf. Oleh itu, masyarakat Muslim khususnya perlu berganding bahu dalam usaha membantu golongan mualaf ini setelah memeluk agama Islam atas sebab perubahan keseluruhan hidup mereka daripada agama asal kepada agama baru.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Dalam menjalani kehidupan yang baru, golongan mualaf tidak terlepas dari pelbagai cabaran yang mampu menggugat keimanan sekiranya ia tidak benar-benar teguh. Pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi sama ada dari segi emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara baru kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak ditangani dengan segera. Menurut Amran Abdullah (2012), menegaskan bahawa tidak ada susulan yang proaktif selepas pengislaman terutama di kawasan pedalaman. Para mualaf tidak mendapat didikan agama yang sempurna, tekanan akibat disisihkan keluarga serta birokrasi memohon bantuan di agensi kerajaan dan perundangan antara isu yang sudah lali didengar namun masih berlaku. Oleh itu, dicadangkan supaya menubuhkan badan atau unit khas dalam membendung permasalahan mualaf di Malaysia.

Tambahan pula, menurut para sukarelawan Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) yang berpengalaman lebih lima belas tahun di lapangan mendapati bahawa mualaf sebagai golongan yang baru memeluk Islam yang berasal daripada pelbagai etnik dan latar belakang budaya dan agama ini memerlukan pendekatan pembangunan yang unik serta pelbagai dimensi. Mualaf adalah golongan minoriti yang telah memilih Islam dari latar belakang agama dan sistem kepercayaan serta budaya yang berbeza. Kepelbagaian latar belakang ini memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan kepada golongan mualaf. Kelemahan dan kesilapan yang berpunca daripada persepsi yang kurang tepat menyebabkan ramai kalangan mualaf terabai, terasa hambar, tersalah pendekatan dan menjadi bermasalah kembali kepada kepercayaan asal. Kegagalan merancang dan menyusun di pihak NGO dan kerajaan

boleh mengakibatkan ketirisan dakwah yang akan meningkatkan bilangan mualaf terabai, ingin murtad atau meninggalkan amali Islam seluruhnya (James Laeng et al., 2014).

Justeru, kajian ini mendedahkan isu-isu dan permasalahan yang telah dihadapi oleh golongan mualaf di HCF dan cara penyelesaian pihak HCF dalam membantu saudara-saudara baru ketika menghadapi cabaran tersebut. Cabaran-cabaran ini perlu diselesaikan supaya golongan mualaf berasa seronok dan merasai bahawa agama Islam itu adalah agama yang suci dan indah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian sangat penting bagi menentukan hasil yang diperoleh di akhir kajian kelak. Oleh itu, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif kajian. Antara objektif-objektif kajian tersebut adalah:

1. Mengenal pasti cabaran dan permasalahan mualaf di HCF.
2. Mengenal pasti cara penyelesaian HCF dalam menangani permasalahan mualaf.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian merupakan tunggak dalam membuat kajian. Hal ini kerana persoalan yang di dalam kajian ini akan terjawab dalam hasil kajian. Antara persoalannya ialah:

1. Apakah cabaran dan permasalahan mualaf di HCF?
2. Apakah cara penyelesaian HCF dalam menangani permasalahan mualaf?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif iaitu kajian yang bersandarkan kepada kualiti sesuatu konteks yang menjadi fokus utama dalam penyelidikan. Kajian ini menggunakan instrumen analisis dokumen untuk memperoleh data sekunder daripada bahan bertulis dan juga bahan cetak seperti buku, buku laporan tahunan, kertas kerja, tesis dan artikel yang terdapat di HCF. Penyelidik membuat analisis kandungan terhadap kajian dan laporan yang terdahulu dan menganalisis dengan teliti hasil kajian tersebut. Analisis kandungan ini merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat.

Kajian ini juga menggunakan instrumen temu bual. Kaedah ini bermaksud cara yang digunakan oleh seseorang untuk sesuatu tujuan atau bagi mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seorang responden. Kaedah ini adalah satu instrumen yang amat penting kerana ia membantu dalam melakukan kajian bagi meneroka dan mendapatkan maklumat secara mendalam. Hal ini kerana terdapat banyak maklumat yang tidak diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen. Dalam kaedah temu bual, ia dilakukan melalui bercakap secara berhadapan dengan seseorang (*face to face*) untuk mendapatkan maklumat secara

langsung. Ia merupakan kaedah mengumpul maklumat yang utama dalam kajian tinjauan yang mana dilakukan secara lisan (perbualan) dan jawapan di rekod oleh penulis secara bertulis dan melalui rakaman kaset, video dan media elektronik yang lain (Jasmi K.A., 2012).

Responden kajian ini melibatkan 6 orang daripada pegawai HCF. Temu bual ini dijalankan secara separa struktur untuk memberi ruang kepada responden untuk menjawab soalan dengan lebih selesa. Data-data yang telah diperolehi melalui proses temu bual tersebut akan dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih terperinci mengenai metodologi dakwah yang digunakan oleh HCF terhadap mualaf.

## HASIL KAJIAN

### I. Cabaran dan Permasalahan Mualaf di *Hidayah Centre Foundation (HCF)*.

Bagi golongan mualaf yang mengambil keputusan untuk memeluk Islam bukanlah suatu keputusan yang mudah bahkan memerlukan keberanian dan kekuatan dari segi fizikal dan mental. Hal ini kerana, golongan ini akan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang terpaksa mereka tempuhi selepas bergelar Muslim. Antara cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf di HCF ialah:

#### a. Ahli Keluarga

Berdasarkan temu bual bersama pegawai HCF, cabaran ahli keluarga merupakan cabaran paling besar yang perlu dihadapi oleh golongan mualaf setelah memeluk agama Islam. Cabaran golongan mualaf terhadap ahli keluarga selepas memeluk Islam ialah mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum menukar agama kerana keluarga tidak bersedia dengan penghijrahan mereka. Sebahagian ahli keluarga menganggap menukar agama kepada agama Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Memeluk Islam dianggap sebagai satu pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia termasuk kepada perbuatan memutuskan ikatan kekeluargaan.

Tambahan pula, kesukaran yang ditimbulkan oleh kaum keluarga bergantung kepada kedudukan ahli keluarga mualaf itu sendiri. Seandainya ahli keluarga terutama ibu bapa begitu mengambil berat tentang isu agama dan ingin memastikan seluruh ahli keluarga kekal dan mengikuti ajaran agama asal maka kesukaran yang dihadapi seseorang mualaf itu lebih ketara seperti sikap penyingkiran dan pemulauan ke atas diri mualaf, penganiayaan dan pengasingan diri, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh ibu bapa, dihalau dan tidak dibenarkan pulang ke rumah, putusanya segala perhubungan sama ada dari segi kekeluargaan, bantuan kewangan dan hubungan sosial yang lain. Berdasarkan temu bual, mualaf yang berbangsa Hindu mempunyai masalah yang banyak berkaitan dengan keluarga.

*“Aaaa yang kita pernah handle kadang-kadang aaa kalau emmm biasanya masalah keluarga. Apabila keluarga tidak bersedia dengan penghijrahan mereka. Terutama keluarga yang daripada Hindu, orang Hindu sangat-sangat marah. Sebab dia kira murtad dari agama dia. Pernah dengar kes ada yang kena bunuh, ada yang dikelar kt Subang ya. This is the reality. Bagi mereka. Jadi how to handle kita kena berhati-hati”.*

#### b. Perkahwinan

Selain cabaran daripada ahli keluarga sendiri, cabaran dalam perkahwinan juga merupakan cabaran besar bagi seseorang mualaf. Hasil temu bual menyatakan pasangan bagi mualaf tersebut tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar walaupun dilahirkan sebagai seorang Muslim sejak lahir. Ini telah memberi pengaruh besar kepada seseorang mualaf untuk menjalankan hidupnya sebagai seorang mualaf kerana orang yang rapat kepadanya tidak membantu dari segi mental mahupun dorongan kepadanya untuk hidup sebagai seorang Muslim.

*“Sebab banyak berlaku kes-kes terutamanya dalam rumahtangga. Apabila wife dia masuk Islam. Suami ye lah born-Muslim kan. Ada dua isu. Pertama, family suami dan sebagainya tak melambangkan Islam, tak practice Islam. So dia tak nampak pun, kat kelas kita dok tung tung tung tung sembahyang bla bla bla kan. Hellooo mak I suami tak solat. Banyak konflik saudara baru. Dia akan rasa macam, aku kena solat, ustazah kata yang ni tak boleh, aku kena solat, ustazah aku kata macam ni. Tapi kat umah laki aku tak solat. Itu isu la yang kita kena clear betul-betul. Kena slow talk dengan dia. Sebab tu kita nak sangat suami join kelas”.*

Tambahan lagi, penggunaan kaedah mendidik yang salah dengan menggunakan kaedah paksaan. Pasangan memaksa untuk melakukan ajaran Islam secara drastik. Ini telah menyebabkan pasangan merasakan Islam ini susah untuk diamalkan.

*“Kaedah suami dalam mendidik isteri. Pertama suami lah, suami isteri. Sebabnya bila suami ni, aaa contoh solat subuh kan. Dia akan paksa wife dia bangun pukul 6 pagi. Budak tu tak kan bangun, dia memang tak biasa. Macam suruh bangun kita ada fasa-fasa dia kan. Ada step by step nak didik dia. So macam kata dia tak bangun 6 pagi kita biarkan dia, sabar. So kalau 8 pagi dia bangun suruh dia sembahyang dulu. Suruh sembahyang dulu jangan buat benda lain pergi sembahyang dulu. So lama-lama dia akan step by step la. Mula-mula pukul 8, pukul 7, lama-lama dia akan bangun pukul 6. Benda tu kena di didiklah. Sebab ada macam terutamanya keluarga mertuakan. Suruh pakai tudung, kena pakai tudung ni kena pakai tudung wajib ni. Memang wajib tapi tu lah perlukan didikan andstep by step. Haa sebab tu lah akidah tu penting”.*

### **c. Integrasi Budaya Islam**

Selain itu, integrasi budaya juga memberikan impak besar dalam kehidupan seseorang mualaf. Antaranya ialah mualaf yang bekerja dalam sektor yang bercanggah dengan ajaran Islam sebelum memeluk agama Islam. Misalnya, bekerja di premis-premis judi, kilang arak, kelab malam dan sebagainya. Selepas memeluk Islam golongan ini berada dalam dilema di antara kedua keadaan iaitu sama ada meneruskan pekerjaan dengan mengetepikan tuntutan agama ataupun berhenti bekerja dan mencari pekerjaan baru untuk menyara diri dan keluarga. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan mualaf yang mendapat tekanan dari majikan bukan Muslim selepas mengetahui mereka memeluk Islam sehingga dipecat ataupun berhenti sendiri kerana tidak mampu untuk menyerap tekanan-tekanan tersebut.

*“Antara aaaa mungkin masalah mereka ni kena buang kerja. Ni antara masalah yang biasa. Company dia tak prefer orang-orang Islam bekerja di tempat kerja tu. Mungkin dia ada masalah salah faham. Masuk Islam ni jadi terrorist, so I don't want to keep terrorist in my company, ada kes”*

Disebabkan kes ini, maka kebanyakan para mualaf kehilangan sumber pendapatan dan akan memberi impak kepada orang Muslim khususnya kerana tidak memberi peluang pekerjaan yang bersesuaian setelah memeluk agama Islam. Atas rentetan itu menyebabkan sebahagian mualaf keluar daripada Islam (murtad).

#### **d. Motivasi Diri**

Setelah memeluk agama Islam, sokongan dan dorongan daripada orang sekeliling sangat diperlukan dalam proses perubahan agama asal kepada agama baru. Proses penyesuaian diri memerlukan masa, emosi dan mental seseorang mualaf. Hasil temu bual menyatakan terdapat sebahagian mualaf yang kurang motivasi diri setelah memeluk agama Islam. Terdapat juga mualaf setelah memeluk agama Islam, merasakan rakan-rakan sekerja yang non-Muslim tidak menyukainya. Akhirnya mualaf itu berhenti kerja walaupun sebenarnya tidak diberhentikan oleh majikannya.

*“Psiko kawan-kawan dia tak suka dia, psiko. Psiko ni yang buat dia berhenti kerja. Kalau dia kata diberhentikan bukan diberhentikan, psiko tu. Sebab kalau diberhentikan kita ada hak untuk bawak dia orang ke buruh. Dia orang salah di sisi undang-undang. Cuma dia tak bagi surat warning ke apa. Contohnya lambat pergi kerja semua lambat kena buang, psiko dia, peril-perli dia”.*

#### **e. Masalah Pengurusan Dakwah**

Permasalahan pengurusan dakwah ini timbul apabila tiada keselarasan aktiviti dakwah di antara organisasi-organisasi tertentu dan kekurangan bahan bacaan yang sesuai. Senario ini akan membawa kepada kepelbagaian bentuk dan pendekatan dakwah yang sudah semestinya sedikit sebanyak mengelirukan saudara baru dalam memahami dan menghayati Islam. Antaranya apabila HCF menganjurkan program *street dakwah*, terdapat NGO lain yang tidak menyokong dan ini akan memberi kesan kepada mualaf sekiranya mualaf tersebut tidak berfikiran terbuka terhadap sesuatu isu.

*“Kemudian kita juga ada program yang disebut Street Dakwah ni pun jadi program mingguan. Selalu bulan 12 kita akan buat bersama-sama Nationwide Mega Street Dakwah dengan Firdaus Wong. Memang best. Walaupun kadang-kadang ada setengah NGO kata apa lah buat keje macam ni. Kita tak tahu amalan kita yang mana satu yang Allah terima. Buat je lah walaupun nampak kecil tapi benda ni besar. Kalau di Penang our brother di Penang every week buat street dakwah”.*

#### **f. Murtad**

Kes murtad dalam kalangan saudara baru juga merupakan permasalahan dalam kalangan mualaf. Cabaran murtad ini bukan pada mualaf sahaja bahkan ia cabaran kepada orang Muslim khususnya. Hasil temu bual menyatakan bangsa India yang mempunyai peratusan yang tinggi dalam kes murtad. Hal ini disebabkan tiada penghayatan pada agama Islam dan tidak melaksanakan ajaran Islam seperti yang dituntut.

*“Sebab banyak kes orang murtad balik ni di kalangan saudara baru, bukan di kalangan Muslim. Orang Melayu murtad jarang sangat. Rasa tak de dah kot. Tapi yang murtad orang India banyak percentage yang tinggi kalau yang murtad tu India revert”.*

## **II. Cara Penyelesaian oleh Hidayah Centre Foundation (HCF).**

HCF merupakan pusat yang membantu para mualaf setelah mereka memeluk agama Islam. Terdapat beberapa cara penyelesaian daripada pihak HCF dalam membantu para mualaf. Bagi permasalahan mualaf yang telah dihalau oleh ahli keluarga, pihak HCF telah menyediakan rumah perlindungan sementara secara percuma kepada mualaf. Ini membantu para mualaf untuk menstabilkan semula emosi dan motivasi dalam diri sebelum mereka mencari rumah mereka yang baru.

*“Pernah dengar kes ada yang kena bunuh, ada yang dikelar kat Subang ya. This is the reality. Bagi mereka. Jadi how to handle kita kena berhati-hati. Kita kena cuba selamatkan lah mereka ini. Letak mereka di tempat rumah perlindungan lah sebagainya. Rumah perlindungan ni pun kita tak open declare because the security. Maybe kita sorokkan keja sampai keluarga dia emm kalau boleh kita cuba berdialog dengan keluarga. Kita ada kes dulu, aaaa dia masuk Islam. Kakak dia dah tahu, dia ni tak betul ni, dia masuk Islam dia tak waras ni. Kita pon berdialog la. Ada satu kes lagi tu suami dia masuk Islam. Isteri dia tak masuk Islam, keluarga dia tak masuk Islam. Dah lama, lepas tu aaa datanglah sini. Haaa tu cara satulah yang kita mampu”.*

Dalam permasalahan dibuang kerja atau kehilangan sumber pendapatan oleh mualaf, pihak HCF akan menyalurkan permasalahan ini kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS telah menyediakan dana yang banyak kepada mualaf dan duit itu perlu disalurkan kepada mualaf. Namun begitu, MAIS meletakkan syarat sekiranya mualaf memerlukan bantuan dengan menghadiri kelas yang disediakan. Ini adalah untuk para mualaf belajar tentang Islam dan tidak kembali kepada agama asal.

*“Yang kedua kita salurkan ke Majlis Agama Islam, sebab merekakan ada funding. Antara aaaa mungkin masalah mereka ni kena buang kerja. Kita kena salurkan mereka kepada MAIS kalau di Selangor. Kalau di Wilayah dengan JAWI lah. Mereka ada funding. Dan MAIS juga mereka ada program macam bantuan bulanan, MAIS antara majlis yang sangat bagus. Mereka spent all 100% duit zakat khas untuk asnaf mualaf. Dan antara bantuannya kalau macam sara hidup 500 ringgit. Dia jugak ada bantuan aaaa sewa rumah 600 ringgit a month. Kalau dia ada katakanlah 4 orang anak, husband wife 6 orang. Setiap orang tu dulu lah sebelum ni dapat 500, so 3 ribu a month. Tapi MAIS tukar polisi kalau nak datang kelas”.*

Seterusnya, pihak HCF juga mempunyai sukarelawan yang membantu para mualaf ini dari segi ilmu, kewangan, motivasi dan sebagainya. Pihak HCF mengambil kaedah seperti muhajirin dan ansar di mana para sukarelawan ini merupakan golongan ansar yang membantu para mualaf iaitu golongan yang berhijrah kepada agama Islam. Secara tidak langsung, para mualaf dapat merasakan ada saudara-saudara yang menerima mereka sebagai seorang Muslim ini dan mereka tetap kekal dalam agama Islam.

*“Kita support in term of kita ada volunteer-volunteer, yang kita train mereka, ada lebih kurang 200. So volunteer ni kita cuba pair kan supaya dia dapat merasai kesusahan saudara baru tu. Apa-apa yang dia boleh support, support, kalau tak boleh contact kita, kita akan alive macam mana. So kadang-kadang orang kat luar sana ada masa, ada duit juga tapi mereka tak tahu cara gunakan macam mana, macam mana nak bantu. So bila kita mempersaudarakan mereka, kita ambik konsep muhajirin dan ansar. Dan mereka ni berhijrah, mereka muhajir, dan ansar mereka yang Islam ni sambut mereka. So saya tengok masa dia orang dah habis program, memang best, touching-touching. Bila ada saudara baru yang dapat aaa macam keluarga angkat, biasanya mereka akan bertukar-tukar hadiah. Mereka akan beli hadiah, mereka akan bagi kat yang revert tu. So you are now my brother so everything you have problem please let me know. Tapi memang best la. Kita cuba wujudkan suasana ukhuwah”.*

## PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian berkaitan cabaran yang dihadapi oleh golongan mualaf di Hidayah Centre Foundation (HCF) dapat disimpulkan bahawa cabaran mualaf terhadap ahli keluarga adalah cabaran yang terbesar yang dialami. Hasil kajian menunjukkan bahawa cabaran golongan mualaf terhadap ahli keluarga selepas memeluk Islam ialah mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum menukar agama kerana keluarga tidak bersedia dengan penghijrahan mereka. Sebahagian ahli keluarga menganggap menukar agama kepada Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Memeluk Islam dianggap sebagai satu pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia termasuk kepada perbuatan memutuskan ikatan kekeluargaan.

Dapatan ini turut disokong oleh Nur A'thirah Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao (2009) bahawa sikap penyingkiran dan pemulauan ke atas diri mualaf, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh ibu bapa, dihalau dan tidak dibenarkan pulang ke rumah, putusnya segala perhubungan sama ada dari segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain. Cabaran dan permasalahan seperti ini adalah cabaran yang menjadi kebiasaan dialami oleh mualaf yang memeluk Islam. Perkara sedemikian benar-benar mengganggu emosi dan tekanan perasaan seterusnya boleh menimbulkan kemarahan dan menyebabkan terjadinya pergaduhan yang boleh mengundang kepada pembunuhan jika tidak dapat dikawal.

Selain itu, pandangan non-Muslim kepada orang yang memeluk agama Islam juga memberi impak kepada mualaf tersebut. Prasangka kepada golongan ini yang menyebabkan orang yang baru memeluk agama Islam merasakan mereka tidak diterima oleh masyarakat sekeliling. Prasangka ini bukan sahaja datang daripada non-Muslim malah daripada sebahagian masyarakat Melayu juga. Ini kerana orang Melayu menginginkan mualaf ini mengamalkan kesemua ajaran Islam dari segi agama dan budaya. Dan ini menyebabkan mualaf merasakan takut berhadapan dengan orang sekeliling dan menjadikan kurangnya motivasi dalam diri. Dapatan ini disokong oleh Marlon (2014) dan Abdul Ghaffar et al. (2009), yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu yang mahu melihat golongan mualaf hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam (termasuklah amalan dan budaya Melayu). Sekiranya mampu hidup seperti orang Melayu, mereka dengan senang akan diterima oleh masyarakat tersebut dan begitu jugalah sebaliknya.

Permasalahan murtad semakin meningkat dan ia daripada golongan mualaf. Murtad ini atas rentetan beberapa sebab antaranya dibuang kerja. Marlon (2014) menyatakan bahawa mualaf yang kehilangan sumber pendapatan iaitu dibuang kerja sejeurus majikan yang bukan Muslim mendapatinya memeluk Islam maka perkara ini akan memberikan impak yang besar kepada umat Islam kerana pihak-pihak yang terlibat tidak mampu memberinya pekerjaan baru untuk meneruskan kehidupan. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan maka golongan ini akan berputus asa dan berkemungkinan akan mengambil keputusan keluar daripada Islam. Oleh itu, sebagai orang Muslim seharusnya memberi peluang pekerjaan kepada mualaf ini supaya mereka dapat meneruskan kehidupan. Bukan itu sahaja, pasangan yang asal nya beragama Islam tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam juga merupakan salah satu sebab yang besar golongan mualaf ini kembali pada agama asal. Justeru, pendidikan ini bukan sahaja untuk mualaf, bahkan pendidikan ini juga seharusnya diberi kepada



bangsa Melayu khususnya supaya golongan ini tidak membawa impak negatif kepada golongan mualaf yang baru berjinak-jinak dengan agama Islam.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, HCF merupakan badan yang membantu para mualaf dalam menghadapi cabaran hidup sebagai seorang mualaf. Permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh mualaf ini perlu diselesaikan dengan rasionalistik. Selain itu, perhatian serius pihak berwajib dan penglibatan golongan mualaf dalam usaha-usaha memartabatkan kualiti hidup mereka haruslah selari dan seiring bagi membina masyarakat yang dituntut dalam Islam. Oleh itu, penggembleran usaha daripada semua pihak dalam membina empayar Islam yang kuat dapat membantu golongan mualaf serta umat Islam keseluruhannya menegakkan agama Allah SWT. Kegagalan golongan mualaf dan umat Islam keseluruhannya menghayati ajaran Islam sudah pasti akan memberikan kerugian kepada umat Islam keseluruhannya.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Haji Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI, MAIS.
- Hidayah Centre Foundation. (2016). Bingkisan Hidayah. Bil 02.
- Marlon Pantino Guleng. (2014). *Penyesuaian Diri Mualaf Terhadap Masyarakat dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP)*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao. 2009. *Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Puteri Resort Melaka. 28-29 Mac 2012. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- James Laeng @ Jamaluddin Abdullah & Yusman Nawazir. (2014). Mendepani Cabaran Tarbiah NGO dan Kebajikan Mualaf. Dlm. *Pembangunan Dakwah Mualaf*. Institut Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hidayah Centre Foundation. (2015). Laporan Tahunan Hidayah Centre Foundation. Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2015). Laporan Statistik Kemasukan Islam di MAIS.